

# Dilema teknologi digital

KOSMO M/S 30 8/03/07

Pernahkah gajet digital dan perkakasan teknologi hari ini meletakkan anda dalam persimpangan? Antara 3G dengan 3.5G, pencetak jet dakwat dengan pencetak laser, ataupun antara kamera DSLR dengan model prosumer, yang manakah lebih berguna untuk dimiliki?

Oleh **KHAIRUL ANUAR RAHMAN**  
rencana@kosmo.com.my

**M**ANUSIA tidak pernah terlepas daripada situasi yang memerlukan kita membuat pilihan. Dunia teknologi juga mempunyai dilemanya tersendiri. Ada kekhawatiran pengguna terpaksa membuat keputusan yang begitu rumit kerana setiap pilihan mempunyai keistimewaan atau kelebihan tersendiri. *KOSMO!* mendasari dilema yang dihadapi oleh para pengguna di dalam dunia digital hari ini.

## ■ 3G atau 3.5G?

Semenjak era 3G melanda Malaysia beberapa tahun lalu, pelbagai model telefon 3G telah memasuki pasaran. Tahun lalu pula menyaksikan dua daripada operator khidmat selular di Malaysia melangkah setapak ke hadapan dengan memperkenalkan HSDPA (*High Speed Downlink Packet Access*) atau lebih dikenali sebagai teknologi 3.5G. Tetapi adakah ini bermakna pengguna perlu menukar kepada telefon berteknologi 3.5G?

Bagi pengguna biasa, jawapannya adalah 'tidak'. Ini kerana apa jua perkhidmatan yang baru tentunya memerlukan sedikit masa sebelum mendapat tempat di hati pengguna. Ketika ia masih baru, belum ramai yang menggunakannya, caj perkhidmatan dan harga yang ditawarkan untuk telefon agak tinggi.

Dalam tempoh setahun dua lagi, apabila teknologi ini menarik lebih ramai pemilik dan penggunaanya, pasti ia akan menjadi semakin murah serta mampu dimiliki oleh kebanyakan daripada kita. Seperkara lagi

yang perlu diambil kira adalah tentang liputan kawasan perkhidmatan ini. Buat masa ini, perkhidmatan 3G sekalipun masih terhad pada kawasan bandar di negara kita. Satu lagi persoalan yang timbul adalah adakah kelajuan yang ditawarkan oleh operator selular selari dengan kemampuan telefon 3.5G?

## ■ Jet dakwat atau laser?

Sekitar 10 tahun lalu, adalah mustahil untuk pengguna rumah menggunakan pencetak laser monokrom, apalagi yang berwarna. Dengan harga yang lebih kompetitif di pasaran bagi pencetak jet dakwat yang berharga sekitar RM200 ke atas dan pencetak laser yang bermula dari sekitar RM500, agak sukar untuk membuat pilihan.

Pilih pencetak jet dakwat sekiranya anda mencetak dalam kuantiti yang kecil. Pencetak jenis ini sesuai bagi pengguna rumah yang kurang melakukan cetakan; seperti kertas kerja pejabat atau tugasan pelajar yang perlu dicetak sekali-sekala. Sekiranya anda sering mencetak sendiri gambar yang diambil menggunakan kamera digital, pencetak ini sesuai untuk anda.

Kebanyakan pencetak jet dakwat yang berorientasikan konsumer pada masa ini turut dilengkapi pembaca kad memori bina dalam, membolehkan cetakan dilakukan secara terus tanpa memerlukan komputer.

Pencetak laser sesuai untuk anda sekiranya anda kerap mencetak iklan pada risalah, katalog atau apa juga dokumen dalam kuantiti yang besar. Pencetak jenis ini mampu mencetak pada kelajuan yang

tinggi dan lebih menjimatkan kerana *toner* atau gantian dakwatnya mampu mencetak antara lima hingga 10,000 muka surat. Pencetak ini juga sesuai bagi mereka yang menjalankan perniagaan kecil dan sederhana khususnya dari rumah atau SOHO (*Small Office Home Office*).

## ■ Digital SLR atau kamera prosumer?

Bagi golongan jurufoto, yang memertingkatkan kualiti dan 'ketajaman' gambar yang diambil, kamera digital SLR atau lebih popular dengan panggilan DSLR tentunya menjadi pilihan.

Model seperti Nikon D70s dan Canon EOS 400D menjadi pilihan kebanyakan jurufoto yang mahukan pelanggannya mendapatkan kepuasan maksimum terhadap perkhidmatan mereka. Sensor imej yang terdapat pada kamera DLS lebih besar berbanding yang terdapat pada kamera digital biasa. Ini membolehkan cahaya dan warna yang lebih sekali gus menghasilkan gambar yang menarik.

Kamera prosumer boleh ditakrifkan sebagai kamera yang jualannya disasarkan kepada golongan pertengahan antara konsumer biasa dan pengguna profesional. Kamera prosumer seperti Canon Powershot G7 menawarkan kawalan manual dan fleksibiliti yang memadai bagi menghasilkan kualiti gambar yang hampir setanding dengan yang diambil oleh kamera DSLR. Dengan harga yang lebih rendah berbanding DSLR, mereka yang mementingkan seni foto boleh mendapatkan aksesori tambahan seperti adaptor lensa.

Kebanyakan kamera DSLR menggunakan skrin LCD hanya untuk melihat

## Soalsiber

**SOALAN:** Saya baru membeli router ADSL berjenama D-Link model DL604 dan melakukan pemasangan dan konfigurasi sendiri. Saya telah mengikut kesemua langkah yang ditunjukkan dalam manual pada kotak router tersebut, tetapi saya gagal untuk masuk ke laman panel kawalan web di alamat <http://192.168.1.1> seperti yang tertera di manual. Saya telah mencuba beberapa kali dan merujuk kepada pihak Telekom kerana menyangka sambungan DSL saya mempunyai masalah. Namun menurut mereka sambungan DSL saya tidak mempunyai masalah. Apakah punca masalah ini? – SYED FAHMI, Seremban.

**JAWAPAN:** Saya tidak pernah menggunakan produk jenama D-Link sebelum ini, tetapi ada beberapa jenama lain yang memerlukan penambahan nombor port pada penghujung alamat IP. Anda boleh mencuba menambah nombor port 8080 pada hujung alamat yang diberikan seperti <http://192.168.1.1:8080> Selamat mencuba!

kembali gambar yang telah diambil. Ketika gambar ingin diambil, pengguna perlu melihat menggunakan pembidik imej (*viewfinder*). Sekiranya anda seorang yang bergantung sepenuhnya kepada skrin LCD untuk mengambil gambar, gunakan kamera prosumer kerana ia skrinnya berfungsi sama seperti kamera digital biasa.